



TEKS UCAPAN

Y.B. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

DI

MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS PENYAYANG

SRI AMAN SARAWAK

PADA

13 MAC 2016 (AHAD)

PUKUL 10.00 PAGI

PEMBUKAAN UCAPAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera

Salam Sehati Sejiwa,

SALUTASI

Akan dikemukakan kemudian setelah mendapat pengesahan kehadiran.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang sangat bermakna pada hari ini iaitu Majlis Perasmian Kompleks Penyayang Sri Aman, Sarawak.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, **izinkan saya untuk menyampaikan rasa penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak serta agensi-agensi di bawahnya** yang telah memberikan kerjasama padu dalam memastikan penubuhan Kompleks Penyayang di Sri Aman serta menjayakan majlis perasmian pada hari ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan **syabas dan tahniah kepada pasukan kerja penubuhan Kompleks Penyayang Sri**

Aman yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM dan agensi di bawah Kementerian, atas usaha dan komitmen padu dalam menzahirkan penubuhan Kompleks Penyayang Sri Aman di Negeri Sarawak ini.

4. Juga ucapan syabas dan tahniah kepada **seluruh warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak** yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis yang penuh gilang gemilang pada hari ini.

Sidang Hadirin Yang Dimuliakan,

KOMPLEKS PENYAYANG SRI AMAN

5. **Penubuhan Kompleks Penyayang Sri Aman merupakan satu lagi manifestasi dan aspirasi Kementerian dalam menzahirkan keprihatinan** kepada keperluan rakyat khususnya penduduk di kawasan Sri Aman dan Negeri Sarawak amnya. Jika

sebelum ini terdapat pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan di ibu Negeri Sarawak, kini Sri Aman juga boleh berbangga dengan perkhidmatan yang disediakan di Kompleks Penyayang Sri Aman.

6. Ini kerana kompleks ini ialah **kompleks penyayang yang pertama di Malaysia yang menghimpunkan perkhidmatan kepada kumpulan yang memerlukan di bawah satu bumbung.**

Sri Aman serta Negeri Sarawak sangat bertuah kerana menjadi destinasi pertama penubuhan kompleks seperti ini. **Sebuah lagi kompleks yang sama sepertinya akan menyusul di bawah Rancangan Malaysia ke 11 iaitu di Johor Bharu.**

7. Kompleks Penyayang Sri Aman merupakan **salah satu projek yang diluluskan di bawah teras strategik pembangunan masyarakat progresif, Rancangan Malaysia ke 10.** Kompleks ini pada asalnya merupakan **sebuah banglo yang dibeli dan diubahsuai dengan kos sebanyak RM7 juta.**

Urusan pembelian dan pengubahsuaian telah **bermula pada**

tahun 2014, dan alhamdulillah pada 1 Ogos 2015, Kompleks Penyayang ini telah memulakan operasinya.

PERKHIDMATAN DI KOMPLEKS PENYAYANG SRI AMAN

8. Perkhidmatan yang disediakan di Kompleks Penyayang Sri Aman merangkumi perkhidmatan kepada wanita, keluarga, remaja, warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya dan masyarakat keseluruhannya. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman,
- ii. Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- iii. Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- iv. TASKA 1 Malaysia;
- v. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE);
- vi. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK);
- vii. Kafe@Teen; dan
- viii. MamaCare

OBJEKTIF PENUBUHAN KOMPLEKS PENYAYANG SRI AMAN

Sidang hadirin yang dimuliakan,

9. Kompleks Penyayang Sri Aman yang dibangunkan oleh Kerajaan ini mempunyai objektifnya yang tersendiri seperti berikut :

- i. meningkatkan **kefungsian penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar Kementerian;**
- ii. meningkatkan **tahap dan jarak ketersampaian kumpulan sasar terhadap perkhidmatan Kementerian;** dan
- iii. meningkatkan **tahap keselesaan kumpulan sasar** dalam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian.

MANFAAT PENUBUHAN KOMPLEKS PENYAYANG SRI AMAN

10. Pada masa ini, saya dimaklumkan seramai **4,406 orang (RM13,116,815.00)** penerima bantuan di Bahagian Sri

Aman telah mendapat manfaat daripada kewujudan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman di kompleks ini. Kompleks Penyayang ini juga berfungsi **sebagai pusat komuniti bersepadu bagi membolehkan rakyat di kawasan Sri Aman mendapat semua perkhidmatan** yang diperlukan.

11. Penubuhan Kompleks Penyayang Sri Aman juga adalah bertepatan **dengan teras 1 di bawah Rancangan Malaysia Ke 11 iaitu Memperkukuh Pembangunan Inklusif Ke Arah Masyarakat Yang Saksama.** Dalam kata lain, inklusiviti sentiasa menjadi prinsip penting agenda pembangunan yang dirancang dan disediakan oleh kerajaan kepada rakyat. Ia juga merupakan agenda penting sosioekonomi negara dan matlamat utama Model Baru Ekonomi.

12. Komitmen ini membolehkan Kementerian “**berkongsi hasil pembangunan bersama-sama dalam kalangan rakyat tanpa mengira gender, etnik, tahap sosioekonomi dan lokasi** “..(buku Rancangan Malaysia Ke 11, Bab 1; m.s 1-9). Komitmen ini juga adalah berdasarkan kepada keyakinan bahawa pembangunan inklusif bukan sahaja untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi juga untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi tempoh yang lebih panjang.
13. Adalah diharapkan agar penubuhan Kompleks Penyayang Sri Aman di kawasan yang sangat strategik ini dapat membantu tuan/puan mendapatkan perkhidmatan **tanpa perlu mengorbankan masa serta wang ringgit, memandangkan semua perkhidmatan yang diperlukan telahpun berada di satu bumbung.**

PERANCANGAN KPWKM DALAM RANCANGAN MALAYSIA

KE 11

14. Pada 21 Mei 2015 yang lalu, YAB Perdana Menteri Malaysia telahpun mengumumkan rancangan lima tahun pembangunan negara iaitu Rancangan Malaysia Ke 11. Berteraskan kepada dua prinsip pembangunan Rancangan Malaysia ke 11 iaitu pro pertumbuhan dan pro rakyat, rakyat Negeri Sarawak akan terus mengecapi nikmat dan manfaat daripada rancangan tersebut. Justeru, untuk tempoh tersebut, Kerajaan telah meluluskan pembelian bangunan untuk dijadikan Rumah Kanak-Kanak Mini Sarawak, Pembinaan Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Sarawak dan pembelian bangunan untuk dijadikan Rumah Perlindungan Wanita Sarawak.

15. Rumah Kanak-kanak Mini Sarawak merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian berlandaskan kepada keperluan yang telah ditetapkan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001. **Rumah Kanak-Kanak Mini ini bertujuan memberikan perlindungan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak yang terabai dan menjadi mangsa penderaan.** Statistik pada tahun 2015 menunjukkan seramai 252 orang kanak-kanak di Sarawak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. **Kos pembelian bangunan adalah sebanyak RM 5 juta dan dijangka beroperasi pada penghujung tahun 2017.**
16. Depoh pengurusan bencana pula bertujuan untuk memudahkan urusan penyimpanan keperluan semasa bencana. Depoh ini amat diperlukan bagi memastikan mangsa-mangsa bencana mendapat keperluan asas yang mencukupi semasa berlakunya bencana. **Peruntukan**

yang telah diluluskan oleh kerajaan dalam pembinaan depoh ini adalah sebanyak RM 10 juta.

17. Manakala Rumah Perlindungan Wanita pula adalah institusi yang memberikan perlindungan kepada wanita-wanita yang menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Kementerian akan terus berusaha untuk memastikan wanita yang berada di negara ini akan terus dipelihara dan dijamin keselamatannya. **Rumah Perlindungan ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2017 dan peruntukan yang telah diluluskan adalah RM3,500,000.00**

**PROGRAM GEMA KASIH@KOMUNITI DAN
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

18. Untuk makluman sidang hadirin, majlis perasmian Kompleks Penyayang Sri Aman pada hari ini juga

merupakan salah satu daripada pengisian program **Gema Kasih@Komuniti yang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

19. Program Gema kasih@Komuniti merupakan program yang berkonsepkan karnival perkhidmatan secara *one stop centre* untuk kemudahan rakyat khususnya di kawasan *remote area*. **Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai peranan yang perlu dimainkan, program-program Jabatan serta meningkatkan penglibatan pemimpin-pemimpin masyarakat, sektor korporat serta sukarelawan dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasar Jabatan.**

20. Melalui program ini, saya mengalu-alukan penglibatan semua pihak dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Kementerian secara bersendirian tidak mungkin mampu untuk menangani semua isu-isu yang dihadapi oleh wanita, keluarga dan masyarakat. **Justeru, jalinan perkongsian bijak dan *strategic alliance* dengan Komuniti, Sektor Korporat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan merupakan satu daripada kaedah pelaksanaan yang cukup berkesan.**

21. Kementerian **menganggap tuan/puan sebagai *potent force* yang dapat menggembeleng usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan sosial di kalangan masyarakat.** Saya dan Kementerian berpegang teguh kepada komitmen untuk menggalakkan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan sinergi yang diperlukan

untuk memastikan kelangsungan hidup kumpulan sasar Kementerian.

22. Saya mengharapkan majlis perasmian yang diadakan bersempena program Gema Kasih@Komuniti akan diambil manfaat oleh semua yang hadir pada hari ini. Pelbagai program khidmat masyarakat disediakan dan para pegawai saya sentiasa bersiap siaga dalam memberikan layanan dan perkhidmatan terbaik kepada tuan/puan. Suka juga saya zahirkan kesiapsiagaan ini melalui serangkap pantun daripada saya;

“Asal Selasih Kembang Sekali

Hendaklah Lama Rendam di Air

Asal Kasih Mengambang di Hati

Tidaklah Cuma Bersulam di Bibir”

PENUTUP

23. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada warga kerja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Negeri Sarawak yang terdiri dari warga JKM, JPW dan LPPKN yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis ini.

24. Dengan Lafaz yang mulia, **Bismillahirrahmanirrahim**
Saya Dengan Sukacitanya Merasmikan Kompleks
Penyayang Sri Aman, Sarawak.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warrahmatullah hi
wabarakatuh.

MAKLUMAT

TAMBAHAN